

## Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri 2010

Rumah terbuka Hari Raya Aidilfitri 2010 telah diadakan di perkangan Dewan Canselor, UMS pada 1 Oktober 2010. Acara ini telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Datuk Seri Penglima Hj. Ahmadshah Bin Abdullah. Objektif utama acara ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim di kalangan warga UMS di samping meraikan sambutan Aidilfitri bersama. Setiap JSPIU telah menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman yang beraneka jenis dan rasa. Tema Sejukkan Hati di Aidilfitri amat bertepatan dengan juadah yang disediakan oleh SST iaitu minuman sejuk, ais batu campur ABC dan ais krim untuk tetamu yang datang melawat gerai SST. Beberapa pertandingan telah diadakan sempena acara tersebut; walaupun SST tidak memenangi sebarang acara, namun semangat kerjasama untuk meraikan sambutan Aidilfitri bersama amatlah bermakna buat kakitangan SST khususnya. Acara ini berakhir pada jam 12.30 petang.

Artikel oleh: Norasiah Najal



Booth SST sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2010



Gambar kenangan kakitangan SST